

DanaInfra terlebih langgan

KUALA LUMPUR 11 Julai - Sukuk pertama yang diterbitkan DanaInfra Nasional Bhd. (DanaInfra) yang bernilai sehingga RM2.4 bilion menerima lebih langgan sebanyak lima kali daripada para pelabur.

Sukuk yang diterbitkan oleh anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Dikorporatkan (MOF Inc.) itu akan digunakan sebahagiannya untuk membiayai pembinaan dan pembangunan projek Mass Rapid Transit (MRT).

Pada hari pertama tempahan, DanaInfra menerima tempahan sejumlah RM9.025 bilion dan ia telah berkembang sehingga RM13.31 bilion mewakili 62 pelabur pada penghujung hari.

Jumlah keseluruhan tempahan adalah RM12.915 bilion pada hari terakhir tempahan semalam, mewakili nisbah 5.38 kali ganda daripada saiz urusan.

Permintaan terhadap Nota Jangka Sederhana Islamik (ITMN) itu datang daripada pelbagai jenis pelabur merangkumi agensi kerajaan, institusi kewangan, pengurus dana serta syarikat insurans.